



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission

**GARIS PANDUAN BAGI INDUSTRI PENYIARAN SWASTA:  
AKSESIBILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU) KEPADA  
KANDUNGAN TELEVISYEN**

**DISEDIAKAN OLEH:  
JABATAN KAWALSELIA KANDUNGAN  
BAHAGIAN PENGGUNA DAN HAL EHWAL INDUSTRI  
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

## **1. PENGENALAN**

- 1.1 Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.
- 1.2 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan “Dasar Orang Kurang Upaya (OKU)” (kemaskini pada tahun 2016) yang menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari.
- 1.3 Garis panduan ini diwujudkan dengan mengambil maklum, memenuhi dan menyokong matlamat dasar OKU serta mengakui keperluan untuk:
  - i. Memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat;
  - ii. Memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara;
  - iii. Menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya; dan
  - iv. Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.

Garis panduan ini juga merupakan satu komitmen pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk meningkatkan tahap aksesibiliti golongan OKU kepada kandungan televisyen serta menambah baik penglibatan industri penyiaran swasta dalam menjayakan matlamat dasar OKU.

## 2. OBJEKTIF

- 2.1 Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk mencadangkan panduan dan amalan terbaik (*best practice*) bagi pemegang Lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan Individu (CASP-I) atau industri penyiaran swasta dalam usaha menambah baik pelaksanaan aksesibiliti dan kemudahan yang munasabah bagi golongan OKU kepada kandungan televisyen di platform mereka.

## 3. DEFINISI DAN INTERPRETASI

- 3.1 **Orang Kurang Upaya (OKU)** adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindra yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.
- 3.2 **Bahasa Isyarat** merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh golongan kurang upaya pendengaran. Penggunaan bahasa isyarat boleh juga digunakan oleh golongan yang mempunyai masalah dalam bertutur, golongan yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan, dan golongan yang tidak boleh mendengar.
- 3.3 **Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)** merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh golongan Orang Kurang Upaya Pendengaran di Malaysia. Penggunaan BIM boleh juga digunakakn oleh golongan Orang Kurang Upaya Pertuturan.
- 3.4 **Sari kata dan Kapsyen Tertutup (*subtitles and closed captions*)** memaparkan audio program televisyen sebagai teks di skrin TV.
- 3.5 **Komunikasi augmentatif dan alternatif (*Augmented and Alternative Communication/AAC*)** merupakan suatu sistem komunikasi bukan lisan yang merujuk kepada kaedah, teknik dan alatan yang dapat menggantikan dan meningkatkan kemahiran komunikasi lisan.

3.6 **Penerangan audio** (*Audio description*) merujuk kepada trek naratif tambahan yang menterjemahkan imej visual atau menerangkan apa yang berlaku pada skrin televisyen.

#### **4. RUJUKAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN**

4.1 Rujukan peruntukan perundangan adalah seperti berikut:

(i) **Seksyen 16 Akta Orang Kurang Upaya 2008, Tanggungjawab sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan:**

Menjadi tanggungjawab dan kewajipan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan—

- (a) untuk bekerjasama dengan dan membantu Majlis dalam pelaksanaan fungsi Majlis di bawah Akta ini;
- (b) untuk memberi pertimbangan wajar kepada dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya; dan
- (c) untuk mengambil langkah atau menjalankan tindakan yang dikehendaki supaya diambil olehnya mengikut apa-apa bentuk atau cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau selainnya yang berhubungan dengan orang kurang upaya.

(ii) **Seksyen 30 Akta Orang Kurang Upaya 2008, Kebolehaksesan Akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi**

- (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi atas asas kesetaraan dengan orang upaya.
- (2) Kerajaan dan penyedia maklumat, komunikasi dan teknologi hendaklah, bagi membolehkan orang kurang upaya

mempunyai akses sedemikian, menyediakan maklumat, komunikasi dan teknologi dalam format dan teknologi boleh akses bersesuaian dengan pelbagai jenis ketidakupayaan mengikut cara yang tepat pada masanya dan tanpa kos tambahan.

- (3) Kerajaan dan sektor swasta hendaklah menerima dan memudahkan penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia, Braille, komunikasi augmentatif dan alternatif, dan semua cara, kaedah dan format komunikasi boleh akses pilihan orang kurang upaya dalam urusan rasmi.

## **5. AKSESIBILITI OKU KEPADA KANDUNGAN MELALUI PERKHIDMATAN TELEVISYEN SWASTA**

5.1 Industri penyiaran swasta digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sokongan kepada golongan OKU. Penyediaan perkhidmatan akses OKU di platform penyiaran boleh disediakan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- i) Visual Bahasa Isyarat Malaysia
- ii) Sari kata (*subtitles*) dan Kapsyen tertutup (*closed captions*) dan SDH (*subtitles for the deaf and hard of hearing*)
  - *Same language (intra-lingual) captioning*
  - *Foreign language (inter-lingual) captioning*
- iii) Penerangan audio (*Audio description*)
  - *Audio description (same language content)*
  - *Audio description Broadcast mix*
  - *Audio description Receiver mix*
  - *Separate device to deliver audio description*
  - *Audio captioning*
- iv) Komunikasi augmentatif dan Komunikasi Alternatif (AAC)

5.2 Sebagai langkah penambahbaikan berhubung akses golongan OKU kepada kandungan televisyen, pihak MCMC meminta kerjasama pihak penyiar untuk mengutamakan format akses bagi genra rancangan/program kepada golongan OKU berdasarkan tahap kepentingan seperti berikut:

No	Genra Rancangan/ program	Tahap Kepentingan
1	Pengumuman darurat ( <i>emergency</i> )	Wajib
2	Berita	Paling Penting
3	Pembelajaran dan ilmu	Penting
4	Rancangan Kanak-kanak	Penting
5	Bual Bicara	Sederhana
6	Hiburan	Kurang Penting
<p>Nota:</p> <p>*Keutamaan harus diberikan kepada kandungan tempatan</p> <p>**Untuk penyelarasan program Pengumuman Darurat, pihak penyiar swasta dibenarkan untuk mengambil "<i>live feed</i>" daripada pihak stesen televisyen kerajaan.</p>		

5.3 Selaras dengan Pelan Tindakan OKU (2016-2022) yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, industri penyiaran swasta digalakkan dalam:

- i) penyediaan kemudahan sokongan dan bantuan kepada golongan OKU (seperti yang dinyatakan di Para 5.1) bagi memastikan akses OKU kepada maklumat.
- ii) menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) program kesedaran setahun. Program kesedaran yang boleh memberi manfaat kepada golongan OKU secara langsung atau tidak langsung termasuk tetapi tidak terhad kepada pelbagai program berkenaan OKU, latihan bagi orang umum berkenaan bahasa isyarat atau meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU dan lain-lain lagi.

5.4 Industri penyiaran swasta digalakkan agar sentiasa mendapatkan pandangan golongan OKU berkenaan cara terbaik untuk memaksimumkan faedah bagi golongan OKU. Sebagai contoh, penggunaan warna bagi sebarang persembahan/karya seni yang sesuai untuk golongan *Austism* and *cerebral palsy* yang akan bertindak balas terhadap warna-warna tertentu.

### **Kemudahan, Kesyinambungan dan Ketepatan**

5.5 Bagi program/rancangan yang telah dipaparkan bersama akses OKU seperti sari kata atau kapsyen, pemegang Lesen CASP-I digalakkan agar memastikan:

- i) Semua siri program/rancangan yang dipilih, perlu diberikan sari kata atau kapsyen sepenuhnya dan bukan hanya pada salah satu episod atau untuk pada satu jangka masa yang tertentu sahaja.
- ii) Bahasa Isyarat, sari kata atau kapsyen yang diberikan dalam sesebuah program/rancangan atau berita harus tepat dan betul agar ianya tidak dimanipulasi dan tidak disalah fahami oleh penonton golongan OKU.
- iii) Sari kata atau kapsyen perlu diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang akan memberi manfaat kepada penonton sasaran.
- iv) Jurubahasa Bahasa Isyarat Malaysia hendaklah mempunyai tauliah dan diiktirafkan oleh badan professional.

5.6 Maklumat kemudahan/ akses OKU adalah digalakkan untuk disediakan di dalam *Electronic Programme Guide* (EPG).

5.7 Bagi perkhidmatan televisyen swasta berbayar, penyiar digalakkan untuk memastikan pengguna golongan OKU dapat merakam atau memainkan semula program/rancangan yang mempunyai kemudahan OKU.

## **Maklumat dan Pengumuman Penting bagi Rakyat Malaysia**

5.8 Maklumat dan pengumuman penting seperti Pesanan Khidmat Awam (PKA) atau kecemasan adalah digalakkan untuk disediakan dalam format seperti Bahasa Isyarat Malaysia, sari kata atau kapysen tertutup, dan penerangan audio.

## **Akses OKU kepada Rancangan Pembelajaran**

5.9 Dalam membantu kanak-kanak kurang upaya intelektual (*intellectual disability*), industri penyiaran swasta boleh mempertimbangkan untuk menyediakan akses/kemudahan OKU kepada maklumat dan rancangan pembelajaran di mana-mana platform yang bersesuaian supaya kanak-kanak OKU dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk kelangsungan hidup mereka.

## **Kesedaran dan Kolaborasi**

5.10 Industri penyiaran swasta digalakkan untuk memastikan pengguna OKU mengetahui kemudahan OKU yang disediakan dan cara-cara menggunakan kemudahan OKU tersebut.

5.11 Industri penyiaran swasta juga disarankan untuk berkolaborasi dengan organisasi/syarikat yang diiktiraf dan terlibat dalam penyediaan akses OKU bagi mengurangkan kos penyediaan di platform penyiaran mereka.

5.12 Sebagai inisiatif tambahan, industri penyiaran swasta boleh mempertimbangkan untuk menyediakan program latihan/ kursus bagi pekerja yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan berkaitan fasiliti/akses kepada golongan OKU seperti kemahiran Bahasa Isyarat.

## **6. PINDAAN**

6.1 Garis panduan ini akan disemak dan ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan.



## **RUJUKAN**

1. Dasar OKU (diluluskan pada November 2007 dan kemaskini Ogos 2016 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
2. Akta Orang Kurang Upaya 2008